



KHAZANAH
NASIONAL

SIARAN MEDIA
Kuala Lumpur, 17 Januari 2020

Khazanah mengalu-alukan keputusan Kerajaan berkaitan PLUS

Kadar tol lebuhraya PLUS dikurangkan 18%, Khazanah dan KWSP kekal sebagai pemegang saham

Khazanah Nasional Berhad (“Khazanah”) mengalu-alukan keputusan Kerajaan berkaitan PLUS Malaysia Berhad (“PLUS”) yang menyaksikan kadar tol lebuhraya dikurangkan 18% serta Khazanah dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (“KWSP”) kekal sebagai pemegang sahamnya.

Pengurangan kadar tol sebanyak 18% akan melibatkan lebuhraya yang dikendalikan oleh PLUS iaitu Lebuhraya Utara-Selatan (“NSE”), Lebuhraya Lembah Klang Utara (“NKVE”), Lebuhraya Utara-Selatan Linkaran Tengah (“ELITE”), Lebuhraya Seremban-Port Dickson, Lebuhraya Pantai Timur Fasa 2 (“LPT2”), Lebuhraya Laluan Kedua Malaysia-Singapura (“LINKEDUA”), Lebuhraya Butterworth-Kulim dan Jambatan Pulau Pinang. Kadar tol yang dikurangkan akan dikekalkan sepanjang tempoh konsesi lebuhraya yang akan dilanjutkan selama 20 tahun dari tahun 2038 kepada tahun 2058. Di samping itu, semua pampasan tol yang belum dibayar serta pampasan pada masa depan akan diketepikan, sekali gus memberikan penjimatan keseluruhan berjumlah kira-kira RM42 bilion kepada Kerajaan.

Khazanah akan bekerjasama rapat dengan Kerajaan dan PLUS bagi inisiatif penstrukturran tol yang diumumkan pada hari ini bagi memastikan ia dilaksanakan dengan berkesan untuk faedah pengguna lebuhraya, sambil mengekalkan kepentingan dan hak semua pihak berkepentingan utama, termasuk pemegang hutang PLUS.

Pengarah Urusan Khazanah, Datuk Shahril Ridza Ridzuan berkata: “Kami sedar betapa rumitnya untuk memenuhi tuntutan semua pihak berkepentingan utama PLUS, terutamanya rakyat Malaysia. Keputusan untuk mengurangkan kadar tol sambil memberi penjimatan yang ketara kepada Kerajaan merupakan langkah yang penting. Selain itu, keputusan untuk mengekalkan PLUS di bawah penguasaan pemegang saham sedia ada akan dapat memastikan mutu keselamatan, keselesaan serta kemudahan yang kini dinikmati oleh para pengguna akan dapat terus dikekalkan. Langkah seterusnya adalah bagi membincang tentang pelaksanaan insiatif ini dengan semua pihak berkepentingan.”

Khazanah dan PLUS akan mengumumkan butiran lanjut mengenai inisiatif penyusunan semula tol ini selepas mengadakan rundingan selanjutnya dengan Kerajaan dan pihak berkepentingan utama lain.

TAMAT

Untuk maklumat lanjut mengenai Khazanah, sila layari www.khazanah.com.my atau hubungi Mohd Raslan Md Sharif di +603 2034 0000, atau emel raslan.sharif@khazanah.com.my.



KHAZANAH
NASIONAL

Tentang Khazanah Nasional Berhad

Khazanah Nasional Berhad (“Khazanah”) adalah dana pelaburan strategik Kerajaan Malaysia yang diamanahkan untuk memegang dan mengurus aset komersial Kerajaan dan melaksanakan pelaburan strategik. Khazanah terlibat dalam pelbagai sektor seperti kuasa, telekomunikasi, institusi kewangan, penjagaan kesihatan, penerbangan, infrastruktur, rekreasi & pelancongan, harta tanah, kreatif & media, pendidikan, dan inovasi & teknologi. Beberapa syarikat senaraian awam dalam portfolio pelaburan Khazanah termasuk Telekom Malaysia Bhd, Tenaga Nasional Bhd, CIMB Group, Axiata Group Bhd, IHH Healthcare Bhd, Malaysia Airports Holdings Bhd dan UEM Sunrise Bhd. Untuk maklumat lanjut mengenai Khazanah, sila lawati www.khazanah.com.my.